

TETENUNAN KINAYAH ARAB DAN KIASAN MELAYU: SUATU ANALISIS KONTRASTI

* Abdul Basir Awang¹, Zulkarnain Mohamed² dan Md. Nor Abdullah²

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Perlis, 02600 Arau, Perlis

²Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

* E-mail penulis: abasir180@perlis.uitm.edu.my

Abstract

Bahasa kiasan adalah suatu bahasa yang difahami secara konotasi. Ia bukan sahaja melibatkan konteks atau keadaan, makna kiasan, lafaz struktur bahkan ia memerlukan juga unsur tetenunan untuk menghubungkan semua unsur yang terlibat. Tetenunan amat diperlukan dalam frasa, klausa, ayat dan wacana. Kehilangannya akan mengakibatkan sesuatu makna yang dikehendaki itu tidak difahami. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti perbezaan dan persamaan unsur tetenunan dalam Kinayah Arab (KA) dan Kiasan Melayu (KM). Dalam kajian ini, unsur tetenunan akan dianalisis secara deskriptif pada KA dan KM. Terdapat 69 data KA telah disepakati oleh Wahbah al-Zuhaylī dan Muḥammad ʿAlī al-Ṣabūnī. Manakala sumber data KM diambil daripada Kamus peribahasa kontemporari oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. Dalam analisis kontrastif, unsur tetenunan ini perlu diperjelaskan sejelasa-jelasnya agar dapat dibandingkan secara adil. Huraian ini meliputi hampir semua komponen utama bahasa yang terdiri daripada unsur leksis, semantik, morfologi, fonologi dan sintaksis. Oleh itu, penggunaan teori al-Nazm (TN) bertujuan untuk merungkai tetenunan yang wujud dalam unsur-unsur bahasa KA dan KM secara terperinci sebelum dibandingkan. Teori ini diyakini dapat menjelaskan lafaz, makna dan jalinan yang wujud dalam KA dan KM. Dapatan daripada kajian ini ialah kewujudan persamaan dan perbezaan dalam unsur tetenunan semantik, leksis, sintaksis dan fonologi antara KA dan KM. Persamaan unsur-unsur ini akan memudahkan pengguna KM memahami KA. Manakala perbezaannya akan menghasilkan sekurang-kurangnya sikap berhati-hati agar tidak berlaku silap faham berkaitan dengan KA.

Kata kunci: Tetenunan; kinayah Arab; kiasan Melayu; teori al-Nazm, kontrastif.

Abstract

Figurative language is a language which is understood connotations. It not only involves the context of situation, meaning metaphor, structure of word, but it also requires cohesion to connect all the elements involved. Cohesion is needed in phrases, clauses, sentences and discourse. Loss of cohesion would result in a desired meaning is not understood. The main objective of this study is to identify differences and similarities elements of cohesion in Arab kinayah (KA) and Malay figurative (KM). In this study, the cohesion elements will be analyzed descriptively on KA and KM. There are 69 data KA agreed by Wahbah al-Zuhaylī and Muḥammad ʿAlī al-Ṣabūnī. While KM data source is taken from Kamus peribahasa kontemporari by Abdullah Hassan and Ainon Mohd. In contrastive analysis, cohesion elements need to be explained clearly to be compared fairly. This description covers almost all the main components of language consisting of elements leksis, semantics, morphology, phonology and sintaksis. Therefore, the use of the theory of al-Nazm (TN) seeks to demystify that there is cohesion in language elements in KA and KM in detail before compared. This theory is believed to explain the

structure of words, meaning and linkages that exist in KA and KM. The findings from this study is the existence of similarities and differences in the semantic cohesion, lexis, syntax and phonology between KA and KM. Similarities of these elements will allow Malay idioms users understand KA easily. While the differences will be produced at less cautious so as to avoid misunderstandings associated with KA.

Keywords: cohesion; kinayah Arab; Malay figurative; theory of nazm; contrastive analysis.

1.0 PENGENALAN

Bahasa kiasan adalah hasil kemahiran relational manusia terhadap alam sekeliling (Asmah, 2005:4-8). Ia memerlukan suatu pemikiran yang lengkap terdiri daripada lafaz-lafaz, makna, hubungan antara struktur dan konteks sehingga melahirkan suatu ungkapan yang mempunyai makna tersendiri, bukan makna yang literal daripada ungkapan. Dalam setiap bahasa termasuk bahasa kiasan, terdapat unsur tetenunan bahasa yang menjadikan sesuatu bahasa itu difahami oleh penutur dan pendengarnya. Menurut Arbak Othman (2001:319) tetenunan juga dikenali sebagai kohesi, tautan dan pautan yang membentuk organisasi maksud ungkapan yang tersusun secara padu dan padat bagi menghasilkan mesej. Tujuan penggunaannya disebut oleh Khatijah Abdul Hamid (1996) untuk mengikat perkataan dan makna dalam struktur bahasa. Ia adalah lambang kesinambungan idea-idea, idea utama dan idea sampingan yang digarapkan dengan teliti dan disampaikan dengan laras bahasa, gaya dan wacana yang teliti. Menurut Harimurti Kridaklaksana (1978:508-509) tetenunan amat diperlukan untuk mengetahui sesuatu bahasa itu teratur atau sebaliknya. Kewujudannya memudahkan seseorang memahami hubungan bahasa dengan alam di luar bahasa secara mendalam. Kefahaman terhadap tetenunan Kinayah Arab (KA) adalah amat penting dalam usaha memahaminya dengan menggunakan Kiasan Melayu (KM). Tanpa penggunaan KM sebagai bandingan, KA sukar difahami dengan tepat dan menyeluruh kerana ia melibatkan aspek tetenunan yang mempunyai makna-makna tambahan dalam KA.

Tetenunan dalam bahasa boleh dikesan melalui hubungan antara perkataan, frasa, klausa atau ayat yang terdapat dalam bahasa samada pertuturan atau tulisan. Ia adalah ibarat tautan atau tetenunan yang akan menghasilkan suatu jalinan bahasa yang kukuh dari aspek lafaz dan makna. Perbincangan berkaitan dengan tetenunan dalam bahasa KA dan KM bukan suatu yang mudah. Ini disebabkan bahasa kiasan melibatkan unsur luar bahasa yang tidak kelihatan pada perkataan atau leksis.

Tidak banyak kajian berkaitan dengan perbandingan tetenunan dalam KA dan KM. Apa yang jelas dari kajian-kajian lepas adalah berkaitan teori tetenunan dan wacana dalam BM. Antara kajian yang menyentuh tetenunan dengan makna konotasi ialah kajian Arbak Othman (2001) yang bertajuk tetenunan dalam puisi. Dapatan kajian menunjukkan teori tetenunan yang diketengahkan oleh Halliday dan Hasan (1976) dapat mengesani hubungan nahan pada aras permukaan dan hubungan semantik. Antara kerangka ciri teori ini ialah perujukan, penggantian, penghilangan, perhubungan ayat dan unsur leksikal. Manakala Asmah Haji Omar (1980a) membuat kajian berkaitan dengan teori wacana dan dapatan kajian beliau ialah wacana (kesatuan) boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraihan bab, buku, siri buku atau sebagainya yang memperlihatkan kesatuan dan hubungan di antara butir-butir fikiran dan juga perkembangan akaliah yang ada di dalamnya. Begitu juga Yayat Sudaryat, M.Hum. (2006) menjelaskan bahasa yang bersifat tetenunan mempunyai kesesuaian bentuk bahasa, baik dengan koteks (situasi-dalam-bahasa) atau konteks (situasi-luar-bahasa). Mohd Azidan Abdul Jabar (2004) telah mengenalpasti dua jenis kohesi (tautan) yang digunakan dalam wacana BA, iaitu kohesi (tetenunan) (tautan) nahu dan kohesi(tetenunan) leksikal.

Apa yang amat jelas ialah kajian-kajian tetenunan yang dilakukan sebelum ini menggunakan kerangka Halliday dan Hasan (1976) untuk bahasa denotasi. Dalam kajian ini, penulis menggunakan teori *al-nazm* (TN) sebagai kaedah analisis dengan harapan agar dapatan kajian lebih bermakna dan menyeluruh. Kelebihan analisis *al-nazm* menurut Bilhāf dan al-Tamīmī (2012) ialah analisis *al-nazm* adalah analisis tradisi Arab (selepas Islam) yang telah banyak memberi sumbangan dalam kajian bahasa terutamanya aspek *nahu*. Ia juga menekankan soal deria, rasa dan

pemilihan yang baik yang menjelaskan fungsi makna dalam bahasa. Analisis ini sejak dari awal lagi menekankan persoalan konteks dalam memahami sesuatu bahasa. Jadi, kajian ini amat penting sebagai langkah untuk memahami KA dalam Quran dengan makna yang tepat dan menyeluruh tanpa menghilangkan makna-makna tambahan yang mengiringi sesuatu kiasan. Dapatan kajian juga signifikan sebagai langkah berjaga-jaga agar tidak berlaku kesilapan dalam memahami KA sesuai dengan objektif analisa kontrastif..

2.0 PENYATAAN MASALAH

KA tidak seperti mana bahasa biasa. Ia bukan sekadar mengandungi makna kiasan, bahkan difahami juga dengan makna denotasi. Makna konotasi dan denotasi yang ada dalam KA bukan sahaja dibentuk oleh ungkapan berkenaan, bahkan ia melibatkan unsur tetenunan unsur dalaman dan luaran sesuatu bahasa. Unsur ini memberi nilai tambah kepada KA sehingga ia difahami dengan jelas. Bagaimanapun, makna–makna tambahan ini kadang-kadang tidak kelihatan dalam bahasa Malayu kerana kepenggunaan bahasa yang berbeza. Apatah lagi, kefahamannya melalui gayabahasa bukan kiasan yang akan mengurangkan nilai kiasan yang terdapat dalam KA. Dalam KM, juga terdapat unsur tetenunan yang membina makna kiasan. Unsur ini menjadikan lafaz dan makna KM menarik dan indah. Menurut Khatijah Abdul Hamid (1996) kohesi (tetenunan) dalam bahasa dikaitkan dengan banyak faktor seperti minat, kemahiran berbahasa, genre, kumpulan dan sebagainya. Ringkasnya ia boleh difahami dari dalam dan luar bahasa. Permasalahannya adakah tetenunan KA terdiri dari perkara dan isyarat yang sama atau sebaliknya? Jika terdapat kesamaan, maka KA dapat difahami secara keseluruhannya. Sebaliknya jika terdapat perbezaan yang ketara, maka perlu ada kaedah untuk mendekatkan tetenunan KM kepada tetenunan KA. Maka, kajian ini adalah suatu cara untuk mengenalpasti tetenunan dalam KA dan KM.

Penggunaan TN ini dikira paling sesuai untuk menghuraikan KA khususnya yang berkaitan dengan ayat Quran. Ia telah digunakan berabad-abad lamanya dalam menghuraikan rahsia-rahsia mukjizat Quran. Ia bukan bermula dari zaman ^oAbd al-Qāhir al-Jurjānī yang dianggap sebagai pengasas TN, sebaliknya telah digunakan oleh para sarjana Islam sebelum itu. Fathī Aḥmad ^oĀmir (1988:27-37) menjelaskan para sarjana bahasa sebelum al- Jurjānī seperti al-Jāhiz, Ibn Qutaybah, al-Bāqallānī, al- Qāḍi ^oAbd al-Jabbār dan al-Rummānī telah membincang dan mempraktikkan teori ini dalam karya-karya mereka seperti *al-Mughnī*, *Iʿjāz al-Qurʿān*, *al-Nakt fī iʿjāz al-Qurʿān* dan *naẓm al-Qurʿān*. Begitu juga sarjana tafsir seperti Abu ^oUbaydah, al- Ṭabarī, al-Zamakhsharī dan lain-lain dalam *Maʿānī al- Qurʿān*, *al-Jāmiʿ* dan *al-Kashshāf*. Cuma pendekatan para sarjana seperti di atas kurang berfokus dan bersifat umum. Menurut Walīd Muḥammad Murad (1983:169-175) TN oleh ^oAbd al-Qāhir al-Jurjānī bukan sahaja dipuji oleh sarjana lampau, bahkan ia juga telah mendapat pujian dan pengiktirafan dari sarjana BA moden seperti Muḥammad Mandūr, Mikhāil Naʿīmah, Sayyid Qutb, Ibrāhīm Anis, Ṣubḥī Ṣālih dan al-Rāfiʿī.

3.0 OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti unsur-unsur perbezaan dan persamaan tetenunan antara KA dan KM. Ia juga dapat menjelaskan konsep pemikiran manusia terhadap sesuatu benda secara kiasan. Seterusnya untuk mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada kekuatan dan keutuhan sesuatu bahasa kiasan.

4.0 BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya melibatkan KA yang disebut oleh Wahbah al-Zuhaylī dalam *Tafsīr al-Munīr* (1991) dan Muḥammad ^oAli al- Ṣabūnī (1986) dalam *Ṣafwah al-tafāsīr*. Kajian terhadap dua sumber data ini mendapati terdapat 69 kinayah al-Qurʿān dalam dua sumber ini. Hanya 35 data sahaja yang dianalisis dengan mengambil kira kesamaan dan pengulangan tema kinayah. Manakala KM merujuk kepada semua

data dalam Kamus Peribahasa Kontemporari (2008) oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd yang menepati tema KA.

5.0 METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif yang dihuraikan secara deskriptif. Kebolehpercayaan penyelidikan yang bersifat kualitatif, boleh digambarkan melalui prosedur yang jelas yang merangkumi kaedah pengumpulan, penganalisaan data yang bersistematik, perumusan dan laporan dapatan kajian. Pendekatan yang digunakan untuk menganalisa data ialah pendekatan analisis perbandingan data dalam aspek tetenunan. Seterusnya setiap data ini dianalisis melalui teori al-nazm melalui tiga elemen yang penting, iaitu lafaz / perkataan / struktur, makna yang lahir dan jalinan bahasa yang ada dalam bahasa kiasan.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Dalam analisa ini, tetenunan telah dianalisis melalui leksikal (lafaz dengan lafaz), semantik (makna denotasi dan konotasi), leksikal + semantik (lafaz dan makna kiasan) dan sintaksis (makna tatabahasa dan makna konteks).

6.1 *Muṭābaqah* leksikal

Dalam kajian ini, unsur *muṭābaqah* yang dominan ialah genre dan bilangan. Dalam BA setiap satu perkataan mempunyai lelaki/ perempuan atau jantan / betina. Kebanyakan *muṭābaqah* KA berdasarkan *isnādī* seperti kata kerja + pelaku. Contohnya:

(al-Fussilat: 45) ٤٥ ... وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِنْ رَبِّكَ لَفُضِيَ بَيْنَهُمْ
(al-Maidah: 64) ٦٤ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُوا بِمَا قَالُوا ...
(al-^cAlaq: 9-10) ١٠ أَرَأَيْتَ الَّذِي يَنْهَى ٩ عَبْدًا إِذَا صَلَّى

Jika dilihat dalam contoh-contoh di atas, gantinama *kalimah*, iaitu *hiya* dan perkataan *aydi* dalam bahasa Arab adalah *fā'il* (pelaku) yang dikira *muannath*. Lalu dita'*nīthkan* kata kerjanya mengikut jantina pelakunya. Manakala perkataan *abd* adalah *mudhakkār* lalu dita'*zkrkan* perkataan *salla*. *Muṭābaqah* juga kelihatan pada gantinama seperti dalam contoh-contoh berikut:

(al-^cabs:20) ٢٠ ثُمَّ السَّبِيلَ يَسْرَهُ
(al-Maidah:64) ٦٤ بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَاءُ ...

Gantinama *hā'* adalah dikira *mudhakkār* yang merujuk kepada jalan. Begitu juga *yadāhu mabsūṭatān* adalah contoh *muṭābaqah* dari aspek bilangan. Kedua-dua tapak tangan terbuka. Penggunaan unsur ini dalam setiap KM adalah sebagai pembayang yang tepat kepada makna KA.

Manakala dalam KM, kedua-dua unsur ini kurang diberi perhatian. Bahkan dalam BM secara keseluruhannya, bilangan dan jantina ini digambarkan dengan menggunakan kata tertentu seperti perempuan, jantan, se..., dua dan sebagainya. Dalam KM seperti *kawan sehati* dan *hamba*, ia boleh merujuk kepada lelaki / perempuan.

6.2 Semantik (denotasi dan konotasi)

Tetenunan juga wujud antara makna denotasi dan juga konotasi (kiasan). Dalam KA, makna denotasi adalah makna literal bagi setiap perkataan. Manakala makna konotasi ialah makna yang mengikuti makna

denotasi dan konotasi difahami melalui tanda atau isyarat yang menunjukkan makna berkaitan. Contohnya:

(al-Mudathir:4) ء وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ

Dalam data di atas, Allah mengarahkan Nabi Muhammad SAW menyucikan pakaian secara makna denotasi. Tetapi berdasarkan konteks pakaian dalam ayat ini adalah kinayah, yang bermaksud jiwa. Ini dibuktikan dengan konteks yang terdapat dalam ayat-ayat sebelum itu. Hubungan pakaian dengan jiwa agak jauh tetapi konteks menerang dan mendekatkan dua makna ini sehingga mewujudkan tetenunan. Konteks menunjukkan arahan Allah kepada Nabi agar meneruskan dakwah dan menghilangkan *kekotoran* yang terdapat pada manusia pada waktu itu. Tetenunan yang terdapat pada dua makna ini boleh dilihat dari segi fungsi setiap makna, iaitu kedua-dua makna denotasi dan konotasi menjaga keaiban manusia dan boleh menerima kebaikan dan kejahatan.

Manakala tetenunan makna denotasi dan konotasi KM lebih kepada hubungan kiasan yang bersifat metonimi, metafora, eufemisme, sinekdoki, alegori, litotes dan alusi. Jadi tetenunan KM adalah mengikut jenis makna kiasan. Berikut adalah jadual hubungan tetenunan dengan KM.

Jadual 1 Hubungan tetenunan dengan makna KM

KM	Denotasi	Konotasi	Jenis Makna Tetenunan
Memaling muka	Mengubah arah pandangan	Sombong	Perlambangan
Bercampur	Berkumpul	Bersetubuh	Eufemisme
Lidah pendeta	Lidah sarjana	Bahasa	Sinekdoki
Alang kepalang	Sedikit	Tiada	Alusi
Gadis pengitan	Gadis terkurung	Perempuan mulia	Alegori
Hamba	Orang yang dimiliki	Orang hina	Litotes
Hilang lenyap	Hilang	Binasa	Pleonasme

6.3 Semantik dan leksikal (makna dan lafaz kiasan)

Dalam KA, makna dan lafaz kiasan adalah suatu binaan yang satu. Tiada kelebihan lafaz dari makna dan juga sebaliknya. Lafaz-lafaz yang digunakan dalam KA, hanyalah lafaz yang biasa, tiada yang bersifat 'super' atau 'top' dari segi sebutan atau susunan. Manakala makna leksis juga sepadan dengan lafaz, tiada makna 'lebih-lebih' dari lafaznya. Cuma dalam BA, setiap lafaz mempunyai makna-makna kedua mengikut cara penggunaannya dalam *siyaq* atau konteks seperti penambahan perkataan, huruf dan kata kerja dan juga asal-usul perkataan (Mahmud 'Ukāshah, 2005:130). Tetenunan perkataan dan makna dengan konteks inilah yang melahirkan makna kiasan. Tanpa unsur tetenunan antara lafaz yang terkandung dalam ayat dan makna, maka tiada yang difahami melainkan kata-kata atau mana yang literal, tiada memberi kesan apa-apa pada rasa *bayānī* dan *badī'ī*. Contohnya:

(Hud:37) وَأَصْنَعِ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَلَا تُخْطِئْ فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُّعْرِضُونَ

Perkataan *a'yuninā* dalam ayat adalah kinayah yang bermaksud mata-mata digunakan secara literalnya merujuk kepada kata jamak bagi mata sebagai anggota yang berfungsi untuk melihat. Tetapi makna yang dikehendaki ialah makna konotasi, iaitu pemerhatian yang jelas dan bantuan dari Allah. Maka, di sini letaknya tetenunan makna dan lafaz kinayah Arab. Ia jelas pada dua keadaan. Pertama, penggunaannya dengan lafaz-lafaz lain seperti *hurūf jar*, iaitu *ba'* memberi maksud 'dengan bantuan'. Seterusnya, arahan untuk membina bahtera bukanlah suatu yang mudah difahami oleh masyarakat yang tidak tinggal di tepi laut atau sungai. Jadi situasi pada waktu itu menunjukkan Nabi Nuh dan pengikutnya tidak mahir untuk membuat kapal. Maka arahan ini tidak dapat disempurnakan melainkan dengan bantuan Allah. Kedua,

penggunaan *‘ayn* juga digunakan dengan makna *jāsūs*, iaitu suatu pemerhatian mendalam dan terperinci. Ia juga bermaksud apa jelas kelihatan. Inilah kesatuan makna-makna yang terdapat dalam satu-satu lafaz. Penggunaan makna konotasi tidak sama sekali menyalahi sistem makna BA. Maka, penggunaan lafaz dengan makna konotasi adalah menunjukkan tetenunan lafaz dan makna kinayah.

Dalam KM, unsur tetenunan kelihatan pada tiga aspek. Pertama, asas makna asal dengan lafaz. Dalam BM, hubungan ini boleh difahami melalui pendekatan medan makna. Melalui medan makna ini sesuatu, sesuatu makna kiasan dapat dikesani. Contohnya *memaling muka* yang bermaksud sombong. Perbuatan ini mempunyai medan maknanya yang tersendiri, iaitu menoleh muka, mengalih muka, mengubah pandangan dan membuang muka. Dari segi lafaz dan makna itu terdapat tetenunan, tiada lebih dan kurang. Bagaimanapun terdapat juga, KM yang juga mengandungi unsur *berlebihan* dari segi lafaz seperti *lembik tulang*. Penggunaan sifat lembik kepada tulang suatu yang berlebihan dari segi lafaz kerana tulang sama sekali tidak akan lembut, apatah lagi lembik.

Kedua, penggunaan dengan konteks yang tersendiri. KM perlu mencari konteks yang sesuai dengan simpulan bahasa kerana tanpa konteks yang sesuai, sesuatu KM dianggap tidak serasi dari segi lafaz dan makna. Contohnya, *lembik tulang* dirujuk kepada seseorang budak perempuan yang kecil adalah suatu yang tidak serasi kerana lembik tulang merujuk suatu keadaan orang yang sememangnya kuat tetapi sampai suatu keadaan ia menjadi lemah tidak bermaya. Ketiga, aspek fonologi leksikal, iaitu penyebutan kata dan dapat ditentukan dengan perbezaan penyebutan vokal pertama. Oleh itu, fonologi leksikal merujuk kepada corak nada atau intonasi sesuatu kata itu ketika dilafazkan. Perkataan dan perbuatan *tunduk* dalam KM bermaksud mengalah, hina diri dan bersalah. Tetapi, jika disebut dengan nada yang tinggi, ia mungkin akan menukarkan makna kiasan kepada makna denotasi. Dari ayat penyata yang bersifat kiasan kepada ayat perintah atau arahan yang bersifat literal. Jadi, jelas menunjukkan KA mempunyai tetenunan yang lebih seimbang antara lafaz dan makna. Ini sebabkan makna kiasan yang terhasil adalah disebabkan gabungan semua unsur bahasa dan bukan bahasa. Manakala KM terdapat keadaan penggunaan unsur berlebihan pada lafaz daripada makna dan hubungan konteks yang kadang-kadang kurang tepat dengan keadaan semasa.

6.4 Sintaksis berkonteks (tatabahasa dan konteks)

Unsur peraturan berbahasa secara struktur disebut sebagai tatabahasa. Dalam mana-mana bahasa, tatabahasa digunakan sebagai suatu garis panduan umum untuk penutur bahasa memahami sesuatu bahasa dengan makna tertentu. Unsur ini adalah lambang penerimaan sesuatu masyarakat terhadap sesuatu bahasa. Perkara utama dalam isu tatabahasa ialah makna yang lahir dari aspek tatabahasa sesuai dengan konteks pada waktu itu. Seperti yang dijelaskan sebentar tadi, persoalan tatabahasa bukan sekadar kepatuhan bahasa terhadap hukum nahu seperti *mubtada’*, *khobar*, *marfū‘āt*, *mansūbāt*, *majrūrāt* dan hukum-hukumnya, bahkan penggunaan, kedudukan dan penambahan perkataan dan bahasa juga dikira sebagai faktor utama keabsahan dan kecantikan sesuatu makna KA. Jika dilihat dalam data kajian, KA mengandungi makna tatabahasa yang tinggi hasil gabungan tatabahasa, struktur dan makna. KA terhasil dari keadaan-keadaan berikut:

6.5 Kedudukan dalam fleksi (*‘rāb*)

Kedudukan *‘rāb* KA dalam data tidak sama dan pelbagai jenis seperti *mubtada’ muakhhkar*, *nāib fā‘il*, *idāfah*, *tamyīz*, *hāl*, *isnād wa al-musnad*, *taqdīm* dan *ta’khīr* dan sebagainya. Apa yang jelas kedudukannya itu memberi kesan dan makna terbaik sebagai tambahan sesuai dengan konteks ayat. Contohnya:

(al-Baqarah:10)

فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا ١٠

Dari segi *i'rab*, data KA di atas mengandungi *mubtada' muakhhhar* dan *khabar muqaddam*. Dari segi makna yang lahir dari kedudukan ialah peringatan kepada mereka yang mempunyai penyakit maknawi yang tempatnya adalah hati. Ibn 'Ashūr (1984:279) telah menjelaskan *taqdim jar majrūr* adalah untuk memberi peringatan dan penekanan bahawa *khabar* (hati munafik) adalah sarang kejahatan dan kejahatan yang paling utama ialah syirik. Contoh yang lain:

(al-Hajj: 9) ثَانِي عَطْفَةٍ لِيُضِلَّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ... ٩

Dalam data ini, KA ialah *thāniya 'itfihi*. Kedudukannya dalam *i'rab* ialah *hāl*. Jadi, ia memberi makna sifat orang yang tidak mahu menerima kebenaran daripada Allah walaupun mereka tidak mempunyai hujah langsung. Ringkasnya kedudukan sesuatu KA dalam *i'rab* mempunyai makna tambahan dan khas kepada makna asal kinayah. Unsur *taqdim* dan *ta'khīr* adalah suatu unsur yang digunakan untuk menjadikan suatu kinayah ditekankan.

Dalam KM, ia berbeza kerana BM ialah sejenis bahasa yang dibentuk perkataannya dengan proses pengimbuhan atau penggabungan morfem kata dasar dengan morfem imbuhan secara rentetan mendatar, iaitu imbuhan digabungkan serentak dengan kata dasar, sama ada imbuhan itu mendahului (awalan), menyisipi (sisipan) atau mengikuti (akhiran) kata dasar tersebut (Siti Hajar Abdul Aziz, 2008:134). Dalam KM, makna konotasi difahami juga melalui proses pengimbuhan seperti jadual 2 di bawah:

KM	Huraian
Mati berdarah	Penambahan imbuhan <i>ber</i> menjadikan ungkapan KM difahami sebagai mati bersebab darah. Tanpa imbuhan, ungkapan ini tidak akan difahami maknanya kerana kesalahan tatabahasa.
Membalik belakang	Imbuhan <i>mem</i> menjadikan ungkapan itu bermaksud proses mengarahkan diri kearah belakang.
Bercampur	Imbuhan <i>ber</i> menunjukkan proses saling berkehendak antara dua perkara atau lebih. Ia berbeza dengan perkataan campur sahaja.
Berkotakan betis	Imbuhan secara apitan <i>ber...kan</i> , menjadikan betis sebagai lokatif kehidupan. Lalu betis yang kering adalah ibarat kehidupan yang susah.

Jadi, dalam jalinan kata, KM masih lagi amat memerlukan imbuhan awalan, akhiran atau apitan untuk mendapatkan makna konotasi. Manakala KA bergantung kepada fleksi untuk memahami makna kinayah.

6.6 Penambahan *zarf wa hurūf al-jarr*

Dalam KA, antara unsur penambahan jenis perkataan yang paling banyak ialah penambahan *jarr majrūr* dan *zarfiyyah*. Antara contoh KA yang mengandungi dua unsur di atas adalah seperti jadual 3 berikut:

KA	Makna KA	Tambahan kata
(Hud:37) وَأَصْنَعُ الْفُلَكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيُنَا... ٣٧	Pengawasan & bantuan	<i>Harf jar (al-ba')</i>
(Tariq:7) يَخْرُجُ مِنْ بَيْنِ الصُّلْبِ وَالتَّرَائِبِ ٧	Lelaki / perempuan	<i>Zarfiyyah(bayn)</i>

Penambahan *zarf* dan *harf jar* pada perkataan kinayah memberi makna khas yang tidak terdapat dalam perkataan asal bagi sesuatu kinayah. Dalam contoh pertama, Allah menyuruh Nuh a.s membuat kapal dengan pengawasan (*a'yun*) dan tiada perkataan yang memberi erti bantuan seperti dalam jadual di atas melainkan penggunaan *harf jar (ba')* yang bermaksud *isti'ānah* (memohon bantuan Allah). Begitu juga dalam contoh kedua, Allah menjelaskan bahawa manusia dijadikan dari air mani yang keluar dari lelaki dan perempuan. *Bayn* dalam ayat adalah *zarf makāniy* yang merujuk suatu yang *mubham*. Jadi, makna *zarf* menjadi jelas apabila disandarkan kepada perkataan lain. Hakikat sebenar air itu keluar dari lelaki

dan perempuan. Ia juga bukan keluar dari tulang sulbi dan rangka sahaja, bahkan dari bahagian tulang itu yang mengandungi tulang-tulang lain yang lebih kecil. Dua contoh di atas menunjukkan jalinan kata KA, bukan sahaja melibatkan rukun-rukun utama kinayah, bahkan semua perkataan yang terdapat dalam ayat untuk memberi makna yang dikehendaki.

Dalam KM, khususnya simpulan bahasa (SB) penambahan kata yang bukan bersifat kata nama atau kata kerja amat kurang. Ini disebabkan ungkapan SB lebih bersifat rangkai kata utama yang menggambarkan makna konotasi. Jadi, kata sendi atau tugas kurang memainkan peranan dalam konotasi SB. Kalau adapun ia sekadar sebagai kata keterangan yang menerangkan keadaan seperti *air digenggam tiada tiris*. Penggunaan ‘di + genggam’ sebagai keterangan keadaan air dan tidak memberi makna tambahan kepada makna konotasi, iaitu kedekut. Jelas menunjukkan, perkataan-perkataan dalam KA termasuk huruf *jar* ataupun *zarfiyyah* mempunyai peranan dalam makna kinayah. Manakala kata sendi SB tidak mempunyai peranan khusus makna konotasi KM.

6.7 Perbezaan jenis ayat

Dalam BA, jalinan kata yang sempurna disebut sebagai ayat. Dari segi *tarkīb* (struktur), kedua-dua ayat ini adalah sama. Tetapi dari segi *dilālah* makna, ia menunjukkan perbezaan antara ayat kata nama dan kata kerja dalam memberi makna denotasi dan konotasi. Dalam BA, ayat kata kerja dan kata nama menunjukkan penekanan terhadap kata nama untuk ayat kata nama dan perbuatan untuk ayat kata kerja.

Jadual 4 Perbezaan jenis ayat

Jenis ayat	Contoh	Jenis ayat	Contoh
Ayat kata nama:	زيد منطلق	Ayat kata kerja:	ينطلق زيد

Perbezaan yang jelas mengikut ‘Abd al-Qāhīr al-Jurjānī adalah daripada penekanan kepada unsur yang berada di hadapan. Dalam ayat kata nama, penekanan utama adalah berkaitan dengan pelaku, iaitu Zaid. Manakala ayat kata kerja, penekanan utama ialah perbuatan atau sifatnya dan ia seolah-olah tidak mementingkan pelaku, iaitu Zaid. Dalam KA, dua jenis ayat ini juga memberi kesan terhadap kinayah terutama yang melibatkan kinayah pada kata kerja atau kata nama yang berada di hadapan. Berikut adalah jadual KA yang mengandungi jenis-jenis ayat tersebut:

Jadual 5 Jenis ayat kinayah

KA	Jenis ayat
(al-Maidah:64) ٦٤... وَقَالَتِ الْيَهُودُ يَا اللَّهُ مَغْلُوبَةٌ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا... (al-Baqarah:10) ١٠... وَمَا صَانِحِكُمْ بِمَجْنُونٍ ٢٢ (al-Takwir:22)	} Kata nama
(al-Fatir:8) ٨... فَلَا تَذْهَبْ نَفْسُكَ عَلَيْهِمْ حَسْرَتٍ... (al-An'am:45) ٤٥... فَقَطِّعْ دَابِرَ الْفُؤِمِ الَّذِينَ ظَلَمُوا... (al-Baqarat:223) ٢٢٣... نَسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَكُمْ فَأْتُوا حَرْثَكُمْ أَنَّى شِئْتُمْ	
	} Kata nama & kerja

Jika dilihat contoh KA yang terdiri daripada ayat kata nama, penekanan makna KA lebih kepada kata nama yang awal daripada perkataan selepas itu. *Tangan Allah, dalam hati mereka* dan *sahabat kamu*. Jika dilihat kata-kata Yahudi dengan *tangan Allah*, mereka sebenarnya hanya ingin menuduh dan menfokuskan tuduhan itu terhadap Allah, walaupun mereka mengetahui tuduhan itu salah. Begitu juga dengan *dalam hati mereka*, adalah ungkapan yang menekan tempat bersarangnya penyakit-penyakit yang negatif. Contoh ketiga juga menjelaskan perihal sahabat yang kamu telah kenali asal usulnya, bukan permasalahan gila, sihir, bohong dan seumpamanya.

Seterusnya kinayah yang menggunakan kata kerja memaparkan penekanan dari unsur perbuatan, sifat dan kekuatan yang terhasil. *Tadhab, quṭī'a* dan *atā* adalah kata kerja untuk memaparkan unsur kekuatan. Contoh pertama, larangan Allah menggunakan kekuatan untuk melakukan perkara tidak baik termasuklah membawa diri. Manakala dua contoh berikutnya adalah tanda kekuatan Allah terhadap manusia yang yang meragui perbuatan Allah dan tidak menyakini kekuasaannya. Perbezaan ini dijelaskan dalam contoh terakhir yang mengandungi ayat kata kerja dan kata nama. Ayat kata nama bertujuan menjelaskan perempuan dan keadaan mereka di sisi suami mereka. Manakala ayat kata kerja *ata*, menunjukkan perbuatan dan kekuatan mendatangkan isteri (hubungan kelamin) dari semua cara melainkan jalan yang diharamkan. Jadi, jenis ayat kata nama dan kata kerja mempengaruhi kedalaman dan keindahan makna KA.

Dalam BM, urutan kata atau frasa dalam ayat disebut sebagai fungsi sintaksis. Seperti BA, BM juga mempunyai struktur ayat kata nama dan kata kerja. Cuma persoalannya sejauh mana ia memberi kesan terhadap KM? Jadi unsur ini tidak berlaku kerana KM tidak bergantung kepada ayat yang lengkap. Sebaliknya ia boleh difahami dengan strukturnya yang sedia ada samada dimulakan dengan kata nama seperti *lidah pendeta, muka hitam, hamba, gadis pengitan* dan sebagainya atau dimulakan dengan kata kerja seperti *tunduk, memaling muka, berkotakan betis* dan sebagainya.

7.0 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Setiap KA dan KM mempunyai kaedah tersendiri untuk tujuan tetenunan dalam ayat atau ungkapan. Ia kelihatan jelas dalam unsur leksikal (lafaz perkataan), semantik (denotasi), pragmatik (konotasi) dan sintaksis (tatabahasa). Perbezaan tetenunan yang ketara antara BA dan BM adalah melibatkan:

1. Sistem bahasa tertentu seperti penekanan KA terhadap unsur sintaksis terutamanya *i'rāb* (fleksi) dan penambahan kata-kata tertentu seperti *ḥurūf al-jarr, zarfiyyah* dan *faḍlah* menjadikan tetenunan BA lebih terikat dengan makna jelas. Gabungan semua unsur di atas dalam KA menjadi tetenunan dalam KA mempunyai segala kekuatan dalam makna dan struktur KA. Dapatan ini menyamai dapatan kajian Mohd. Azidan Abdul Jabbar (2005: 112-135) yang menjelaskan tetenunan BA lebih menekankan keterikatan dengan sintaksis dari segi rujukan, elepsi, substitusi dan konjungsi. Sebaliknya KM juga mempunyai tetenunan yang sesuai dengan sistem BM yang lebih menekankan unsur pengekaln pemahaman kiasan tanpa terikat dengan sintaksis BM. Sebaliknya, ia terikat dengan sintaksis bahasa kiasan tersendiri. Kajian ini juga membenarkan dapatan kajian S. Nathesan (1998:986) dan juga Keris Mas (1990:140) yang menyatakan kiasan (simpulan bahasa) mempunyai makna dan struktur serta sintaksis yang tersendiri. Perubahan pada struktur KM akan menyebabkan makna tersasar dari kiasan.
2. Dalam lexis tetenunan KA yang menekankan unsur 'ringkas dan tepat', tiada pengulangan lexis yang memberi erti yang sama (sinonim). Ini disebabkan KA sudah cukup jelas untuk memberi makna kinayah. Gaya bahasa ini berbeza dengan gaya bahasa bukan kiasan. Dalam gaya bahasa bukan kiasan, pengulangan perkataan sinonim suatu yang biasa dengan tujuan untuk pengukuhan dan pengkhususan. Manakala dalam tetenunan KM, terdapat lexis yang menjadi sinonim dengan tujuan sebagai makna tambahan sesuatu kiasan seperti *hilang lenyap*. Perkataan *hilang* dan *lenyap* adalah perkataan sinonim.
3. Makna tetenunan KA yang terhasil adalah hasil dari perkaitan antara lexis perkataan, makna dan *ma'ānī naḥw* melalui *taqḍīm ta'khīr, tankīr ta'rīf, musnad musnad ilayh, al-qaṣr wa iqtisāṣ, faṣl wa waṣl* dan *ta'nīth tazkīr*. Makna setiap perubahan pada lexis kiasan mempengaruhi makna kiasan. Hal ini berbeza dengan tetenunan KM kerana makna yang terhasil adalah tetap dan daripada makna lexis itu sendiri.

4. Teori *al-nazm* dapat mengenalpasti lima perubahan makna dari KA adalah melalui hubungan lafaz, makna, konteks, sintaksis dan *ma'ānī nahw*. Dapatan ini seiring dengan kajian Bilḥāf dan al-Tamīmī (2012) yang menjelaskan hanya tiga hubungan yang awal sahaja. Manakala perubahan makna KM lebih kepada unsur struktur dan susunan, subjek dan konteks yang dibekukan.
5. Kajian ini juga mendapati walaupun BA dan BM bukan dari rumpun yang sama tetapi masih terdapat terdapat persamaan terutamanya dari aspek pemaknaan. Dapatan kajian ini menyokong apa yang telah disimpulkan oleh Muhammad Bukahari Lubis (1994:52) bahawa setiap bahasa mempunyai lambang kias yang pada asasnya memiliki inti yang universal kerana bahasa berkembang daripada hal-hal yang pokok juga.
6. Suatu yang jelas daripada kajian ini ialah tetenunan makna konotasi KA tidak dipengaruhi oleh unsur nada sebutan, tinggi atau rendah. Sebaliknya KM mempunyai sedikit kaitan dengan nada sebutan tinggi atau rendah.

7.0 PENUTUP

Setiap bahasa kiasan memerlukan tetenunan untuk melengkapkan sesuatu makna. Tanpa tetenunan, sesuatu bahasa kiasan tidak dapat difahami secara tepat. Kajian ini telah mengenalpasti perbezaan dan persamaan tetenunan dalam KA dan KM. Ia juga dapat merungkai perbezaan bahasa kiasan dengan tema / makna yang sama. Dari kajian ini didapati KA mempunyai tetenunan yang lebih ketat dan ini menjadikan KA mudah difahami dengan makna tepat. Manakala KM sesuai dengan sifat dan penjenisan dapat difahami dengan kiasan sesuai dengan struktur BM.

Rujukan

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2008). *Kamus peribahasa kontemporari*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Arbak Othman. (2001). Tetenunan dalam puisi. *Jurnal Bahasa*. Sept. 1(3), 315-337.
- Asmah Haji Omar. (2005). Budaya dan bahasa kiasan. *Prosiding Seminar Islam Hadhari: Kefahaman Mengenai Keutuhan Budaya*. Melaka: JAKIM. 18-19 Jan.
- Asmah Haji Omar (1980a). Analisis wacana (bahagian pertama). *Jurnal Dewan Bahasa*. 24(3), 11-25.
- Bilḥāf, °Āmir Fā'il Muḥammad. al-Tamīmī, Nāṣir °Umar Mubārak. (2012). Maḥzar al- iltiqā' bayn fikr °Abd al-Qāhir al-Jurjānī fī al-nazm wa ba'd al-mabādi' al- lughawiyah li madrasah London: dirāsah tahlīliyyah. *Journal of linguistik and literary studies*. 3(2), hlm. 1-39.
- °Āmir, Fathī Aḥmad. (1988). *Fikrat al-nazm bayn wujūh al-ī'jāz fī al-Qur'ān al- Karīm*. Iskandariyyah: Mansha'at al-Ma'ārif.
- Halliday, M.A.K dan Hassan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Harimurti Kridaklaksana. (1978). Keutuhan wacana. *Jurnal Dewan Bahasa*. 22(7), 507-517.
- Ibn °Āshūr, Muḥammad al-Ṭāhir Ibn °Āshūr. (1984). *Tafsīr al-tahrīr wa al-tanwīr*. Tunisia: Dār al-Tūnisīyyah li al-Nashr.

- al-Jurjānī, °Abd al-Qāhir. (2010). *Sharḥ dalā'il al-i°jāz li Muhammad Ibrahim Shādī*. al- Manşūrah: Dār al-Yaqīn.
- Khatijah Abdul Hamid. (1996). Wacana dalam teks penulisan: tinjauan tentang pertautan berdasarkan analisis kohesi dan koheren. *Jurnal Dewan Bahasa*. 40(10), 868-880.
- Keris Mas, Kamaluddin Muhamad. (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maḥmud °Ukāshah. (2005). *al-Taḥlīl al-lughawī fī daw' °ilm al-dilālah*. Al-Qāhirah: Dār al-Nashr li al-Jāmi°at.
- Mohd. Azidan Abdul Jabar. (2003). *Kohesi wacana dalam Bahasa Arab: satu kajian terhadap novel al-Sahab al-ahmar*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya. Kuala Lumpur. Malaysia.
- Mohd. Azidan Abdul Jabbar. (2005). Peranan kohesi dalam membina ketekstualan teks berita Arab dalam talian. *Jurnal Bahasa*. 5(1), 112-135.
- Muḥammad °Ālī al-Şabūnī. (1999). *Şafwah al-tafāsīr*. Jakarta: Dār al-Kutub al-Islamiyyah.
- Muhammad Bukhari Lubis. (1994). Menterjemah idiom bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu: beberapa pengamatan. *Jurnal Dewan Bahasa*. 38 (1), 47-52.
- S. Nathesan (1998). Simpulan Bahasa: Satu Tinjauan dari Sudut Makna. *Jurnal Dewan Bahasa*. 42(11), 985-994.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2008). *Bahasa Melayu I (Siri pendidikan guru)*. Shah Alam: Oxford Fajar. Sdn. Bhd.
- Tarigan, H.G. (1992). *Pengajaran analisa kontrastif bahasa*. Bandung: Angkasa.
- Walīd Muḥammad Murād. (1983). *Nazariyyat al-nazm wa qīmatuhā al-°ilmiyyah fī al-dirāsat al-lughawiyyah °inda °Abd al-Qāhir al-Jurjānī*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Yayat Sudaryat. M.Hum. (2006). *Makna Dalam Wacana: Prinsip-prinsip semantik dan pragmatik*. Bandung: Yrama Widya.
- Zuhaylī, Wahbah.(1986). *al-Tafsīr al-munīr fī al-°aqīdah wa al-sharī°ah wa al-manhaj*. Beirut: Dār al-Fikr.